

YB DATUK LIEW VUI KEONG,
MINISTER IN THE PRIME MINISTER'S DEPARTMENT (LAW)
LAW REFORM AGENDA FOR MALAYSIA WITH
YAB PRIME MINISTER AND MEMBER OF PARLIAMENT
10 MAC 2019

Salam Sejahtera dan Selamat Petang,

Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia;

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dato' Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri;

Yang Berhormat Menteri-Menteri;

Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri;

Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat;

YBhg. Tuan Tommy Thomas, Peguam Negara Malaysia;

YBhg. Datuk Seri/ Dato'-Dato', pegawai-pegawai kanan Kerajaan;

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia atas kesudian YAB Tun hadir untuk sesi *town hall* bertajuk “ **Rule of Law: Malaysia Baharu**”. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya dalam Jemaah Menteri, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat.
2. Sepertimana YAB Tun dan semua hadirin sekalian sedia maklum, saya telah diberi mandat bersama Y.Bhg Peguam Negara untuk meneliti cadangan pembaharuan undang-undang yang dikemukakan oleh Kementerian dan Agensi sama ada sesuatu undang-undang itu perlu dimansuhkan, dipinda atau digubal berdasarkan Manifesto Pakatan Harapan.

Pada asasnya kita perlu memahami bahawa undang-undang merupakan sesuatu yang sentiasa berkembang dan berubah-ubah. Kita seharusnya memastikan system perundangan di negara kita secara keseluruhannya kekal relevan. Adakalanya undang-undang itu perlu dipinda, digubal atau

dimansuhkan. Tidak kurang juga ada diantara undang-undang berkenaan dilihat sebagai zalim. Melihat kepada ketidakadilan sebegini, maka dengan itulah satu keputusan untuk melakukan Reformasi Undang-Undang telah diputuskan dan kini dalam misi pelaksanaan.

3. Sebagai langkah permulaan, saya telah mempengerusikan 2 sesi Mesyuarat *Law Reform* bersama Kementerian / Jabatan / Agensi iaitu pada 13 Oktober 2018 dan pada 23 Januari 2019 yang lalu di mana saya telah diberikan penjelasan secara terperinci oleh Kementerian / Jabatan / Agensi mengenai senarai cadangan undang-undang yang perlu digubal, dipinda atau dimansuhkan *time frame* 1 hingga 5 tahun. Ada di antara cadangan-cadangan tersebut turut melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 126 undang-undang yang terlibat dalam agenda *law reform* ini dan akan dilaksanakan berdasarkan keutamaan Kementerian/Jabatan/Agensi terlibat.

5. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian bahawa

fokus utama ketika ini adalah untuk menjelaskan beberapa cadangan pindaan undang-undang sedia ada dan penggubalan akta baharu yang akan dibentangkan atau dibahas dalam sesi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-14 yang akan berlangsung mulai 11 Mac 2019 hingga 11 April 2019. Antara undang-undang tersebut adalah:

- (i) Kajian Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori;
- (ii) Pindaan kepada Artikel 1(2) Perlembagaan Persekutuan;
- (iii) Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan mengenai cadangan mengurangkan umur kelayakan mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun;
- (i) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012; dan
- (ii) Akta Perhimpunan Aman 2012.

6. Namun, walaupun terdapat elemen pembaharuan terhadap perkara ini, saya yakin bahawa proses *law reform* di Malaysia sentiasa mendukung prinsip *rule of law* di mana proses gubalan dan pindaan undang-undang dilaksanakan demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat jelata. Ini termasuk pengaplikasian

undang-undang (application of law) terhadap setiap rakyat dilaksanakan tanpa gentar dan pilih kasih serta berteraskan sistem undang-undang yang telus. Aplikasi prinsip *rule of law* secara tidak langsung memastikan semua orang dan institusi tertakluk dan bertanggungjawab kepada undang-undang yang sedang berkuatkuasa

Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian,

7. Aplikasi prinsip “ rule of law” ini bukanlah sesuatu yang baru bagi negara kita, walau bagaimanapun ia telah diabaikan kian lama demi kepentingan orang-orang tertentu. Oleh itu, bagaimanakah kita dapat meyakinkan rakyat bahawa prinsip ini akan ditegakkan oleh Malaysia Baharu.

8. Bagi tujuan ini saya ingin menjemput YAB Perdana Menteri untuk berkongsi pandangan mengenai intipati prinsip rule of law bagi Malaysia Baharu khususnya dari perspektif beliau. Dipersilakan YAB Tun.